

1 • Profil Universiti



PROFIL UNIVERSITI

Visi, Misi, Nilai Teras, Matlamat & Falsafah

Visi

Institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.

Misi

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.

Nilai Teras

ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN

Matlamat & Falsafah

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang dijalankan di universiti pada dasarnya menitikberatkan kepada *lab-intensive* dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.





PROFIL UNIVERSITI UniMAP Sepintas Lalu

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) adalah sebuah Universiti Kejuruteraan yang terletak di Utara Semenanjung Malaysia. UniMAP telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001 menjadikan ia sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-17 di Malaysia. UniMAP telah memulakan operasi awal di Yayasan Pok Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis pada 01 April 2002 sebagai Kolej Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) sebelum dinamakan semula kepada Universiti Malaysia Perlis pada 01 Februari 2007.

Pada 3 Mac 2013, kampus induk UniMAP di Pauh Putra telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya turut menyatakan bahawa kewujudan UniMAP, sebuah universiti berteraskan kejuruteraan di negeri Perlis, telah berjaya melonjakkan pembangunan dalam pelbagai aspek di negeri Perlis dan boleh diibaratkan sebagai nadi pembangunan Negara. UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarinya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 116 orang. Kini UniMAP telah mempunyai seramai 12,275 orang pelajar iaitu 9,478 orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan 1,292 orang pelajar program Diploma, manakala seramai 1,505 orang adalah penuntut pengajian peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, UniMAP memiliki 1097 orang staf akademik dan 210 orang staf bukan akademik bagi kategori pengurusan dan professional serta 761 orang staf pelaksana.

Pada masa ini, UniMAP menawarkan (6) Program Diploma Kejuruteraan, (14) Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, (13) Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, (2) Program Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, (6) Program Sarjana Muda Teknologi yang mana empat daripada program ini akan ditawarkan pada Sidang Akademik 2020/2021 dan (1) Program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu.

UniMAP juga turut menawarkan pelbagai program pascasiswazah yang meliputi bidang kejuruteraan, sains sosial dan perniagaan. Terdapat (38) bidang penyelidikan untuk program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains Mod Penyelidikan. Manakala terdapat (6) Program Sarjana Sains Mod Campuran, (2) Program Mod Kerja Kursus iaitu Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik). Selain daripada itu, program pascasiswazah yang lain turut ditawarkan iaitu Doktor Falsafah (Mod Penerbitan) dan Doktor Falsafah (Ph.D Industri).

Pada tahun 2018, UniMAP telah membangunkan Pelan Strategi UniMAP 2025. Berteraskan pendekatan '4.0' : Perkongsian Memacu Pembangunan", ia didasari konsep kebersamaan dan perkongsian dengan rakan industri, institusi pengajian

tinggi dan pemegang taruh yang lain. matlamat strategik yang diketengahkan ialah pengajaran berasaskan inovasi, siswazah siaga-industri dan penyelidikan translasional, sementara pemangkin kepada pencapaian objektif UniMAP 2025 ialah penciptaan kekayaan, kecemerlangan bakat, pemantapan infrastruktur dan pengukuhan infostruktur.

Bagi pengajaran-pembelajaran, UniMAP memfokuskan kepada inovasi. Untuk itu tiga komponen diberi perhatian iaitu sistem pendidikan bersepadu, makmal industri dan platform "telepresence". Teknologi memainkan peranan utama bagi persekitaran "Smart Campus" di mana "MOOC/Blended Learning" sedang giat dibangunkan.

Aspek lain yang diketengahkan, siswazah siaga-industri. UniMAP akan memastikan siswazah mampu menyumbang sebaik saja bergraduat. Empat komponen yang diberi tumpuan, iaitu pemerolehan pekerjaan, peratusan graduan dengan PNGK melebihi 3.00, peratusan TVET yang ditawarkan dan peratus siswazah yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan bergraduat.

UniMAP telah menerima penarafan QS Stars *Ranking* berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh badan penarafan terkenal dunia QS Intelligence Unit. Pencapaian keseluruhan lima (5) bintang bagi Audit QS Stars untuk tempoh 2019-2021 dan tersenarai dalam 500 universiti terbaik menerusi QS World University Ranking by Subject merupakan sesuatu yang membanggakan apatah lagi dengan usia UniMAP yang telah melebihi sedekad penubuhannya. Penilaian tersebut dibuat berdasarkan sistem pengajaran, pengantarabangsaan, kekuatan program pengajian, penyelidikan, perspektif kesenian dan kebudayaan, kebolehpasaran graduan serta kemudahan inovasi dan keterangkuman.

Selain itu, UniMAP turut berbangga dengan pencapaian baharu apabila tersenarai dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings 2020 dan berada pada kelompok 601-800 diikuti pencapaian UniMAP di tangga ke 211 QS Asia Rankings pencapaian tertinggi sejak 2018.

UniMAP terus melakar kejayaan apabila berjaya meningkatkan skor dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2019 daripada 2884 pada 2017 kepada 5075 pada tahun 2019. Pencapaian UniMAP ini adalah seiring dengan usaha, komitmen, pengalaman dan kenangan suka duka setiap lapisan warganya dalam meggarungi cabaran meletakkan UniMAP di kedudukannya kini. Komitmen dan pencapaian akan terus ditingkatkan dan dijadikan amalan bagi membuahakan kecemerlangan kearah memartabatkan keterlihatan UniMAP di persada dunia.





Canselor

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T.

Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University Melbourne, Australia
Honorary Doctorate in Management Science, Yala Rajabhat University, Thailand

RAJA MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah diputerakan pada tanggal 30 Disember 1967, hasil ikatan kasih sayang antara DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis. Baginda merupakan putera sulung bagi pasangan DiRaja itu. Baginda memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia pada tahun 1984 untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School, Kew dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi sehingga tahun 1985.

Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, Baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece. Bermula tahun 1990 hingga 1998, Baginda menjawat pelbagai jawatan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana jawatan terakhir sebagai Pengurus kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mendirikan rumahtangga dengan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri dan seorang putera, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) sempena Ulangtahun

Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000 pula, Baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000. Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke - 12. Pada tarikh tersebut juga baginda dikurniakan Bintang kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan perlantikan tersebut, Pada 1 September 2003, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang pertama.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, Baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United. Pada masa kini, Baginda juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigedier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'- Dato' Perlis. Selain itu, Baginda juga telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), sebuah institusi kebajikan yang banyak mengambil berat terhadap kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Sebagai seorang anak Raja yang berjiwa rakyat Baginda amat dikasihi oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis ini.



Pro Canselor

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL

S.P.M.P.

Honoris Causa in Health Sciences (Universidad Nacional Pedro Henriquez Urena, DR)

RAJA PUAN MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah dilantik sebagai Pro Canselor UniMAP pada 13 Mac 2009. Penyerahan watak pelantikan Pro Canselor ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor di Istana Arau pada 28 Jun 2009.

Baginda diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1970 dan merupakan puteri kedua daripada empat orang anak perempuan Dato' Haji Khalil Akasah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. Baginda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur mulai tahun 1977 hingga 1984. Baginda seterusnya meneruskan pelajaran di Melbourne, Australia, selama lapan tahun. Ketika di Australia, Baginda mulanya menuntut di Merton Hall - Melbourne Girls Grammar School, dan kemudiannya di La Trobe University yang menganugerahi Baginda Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992.

Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mempunyai pelbagai minat dan bakat. Selain membaca, melukis dan berseni. Baginda meminati sukan luncur ais, jet ski dan berenang. Baginda pernah juga mengikuti kursus asas Bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Sehingga tahun 1995, Baginda memegang jawatan sebagai Pengurus Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd. Tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku

Syed Faizuddin Putra Jamalullail berangkat menjalankan tugas Baginda di luar negara. Hampir tiga (3) tahun di Madrid, Sepanyol dan empat (4) tahun di Zurich, Switzerland.

Pada 1 Ogos 2002, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dikurniai gelaran rasmi Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diistiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Baginda dikurniakan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei 2002.


Baginda merupakan Penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis, Smart Reader Worldwide di samping menjadi Pengerusi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM) serta dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) dan terkini baginda ditauliahi sebagai Mejar Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah.

Sebagai Pro Canselor, Baginda amat prihatin dalam apa jua yang melibatkan Universiti ini baik dari segi akademik, penyelidikan mahu pun aktiviti pelajar. Baginda sering berangkat mengiringi DYTM Tuanku Canselor ke pelbagai program dan aktiviti rasmi UniMAP.

PROFIL UNIVERSITI

Lembaga Pengarah Universiti





Pengerusi

1. YM. Raja Dato' Azwane Raja Ariff

Ahli

2. YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad (Naib Canselor)
3. YBhg. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman
4. YBrs. En. Mohd Parid Sulaiman
5. YBrs. En. Jamalulail Abu Bakar
6. YBrs. En. Md Farishzan Ismail
7. YBrs. En. Ridzuan Ishak
8. YBhg. Prof. Dr.-Ing. Nik Abdullah Nik Mohamed
9. YBhg. Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid

Ahli Silih Ganti


10. YBhg. Datin Paduka Roslinah Md. Jani

Setiausaha

11. YBrs. En. Haji Mohd Saad Din

PROFIL UNIVERSITI
Pegawai Utama Universiti





1. **YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**
Naib Canselor
(Pelantikan bermula 15 Mei 2019)
2. **YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Rizal Arshad**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
(Pelantikan bermula 1 Disember 2019)
3. **YBhg. Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
(Pelantikan sehingga 14 April 2020)
4. **YBhg. Prof. Dr. Uda Hashim**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
(Pelantikan sehingga 14 April 2020)
5. **YBrs. En. Hj. Mohd Saad Din**
Pendaftar
(Pelantikan bermula 1 April 2019)
6. **YBrs. Pn. Saodah Hassan**
Bendahari
7. **YBrs. Pn. Mazmin Mat Akhir**
Ketua Pustakawan
8. **YBhg. Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain**
Penasihat Undang-Undang
(Pelantikan bermula 29 Mei 2019)

PROFIL UNIVERSITI Ahli Senat



Barisan pertama dari kiri: Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad, Prof. Ir. Dr. Mohd Rizal Arshad, Prof. Dr. Uda Hashim, Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Tn. Hj. Mohd Saad Din.

Barisan kedua dari kiri: Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Hussain, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din, Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar, Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid, Prof. Dr. Salleh Abd.Rashid.

Barisan ketiga dari kiri: Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor, Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Prof. Dr. Prabakaran a/I Poopalan, Prof. Ts. Dr. Hazry Desa, Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah.

Barisan keempat dari kiri: Pn. Mazmin Mat Akhir, Pn. Saodah Hassan, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Prof. Datin Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Dr. Mahyun Ab Wahab.



Barisan pertama dari kiri: Prof. Madya Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail, Prof. Madya Dr. Muzammil bin Jusoh, Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md. Arshad, Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al-Hadi, Prof. Madya Dr. Shahrir Rizal Kasjoo.

Barisan kedua dari kiri: Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Firdaus Omar, Ts. Dr. Muhammad Juhairi Aziz Bin Safar, Prof. Madya Dr. Farizul Hafiz Kasim, Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdullah.

Barisan ketiga dari kiri: Prof. Madya Dr. Huzili Hussin, Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad, Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad, Dr. Faizul Che Pa, Dr. Salsuwanda Selamat.

Barisan keempat dari kiri: Prof. Madya Dr. Haziah Abdul Hamid, Prof. Dr. Rosni Bakar, Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad, Dr. Sharmini Abdullah, Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah.

PROFIL UNIVERSITI Ahli Senat

Bil.	Nama
1.	Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad Naib Canselor / Pengerusi (Berkuatkuasa 15 Mei 2019)
2.	Prof. Ir. Dr. Mohd Rizal Arshad Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (Berkuatkuasa 1 Disember 2019)
3.	Prof. Dr. Uda Hashim Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	Tn. Hj. Mohd Saad Din Pendaftar (Berkuatkuasa 1 April 2019)
6.	Pn. Saodah Hassan Bendahari
7.	Pn. Mazmin Mat Akhir Ketua Pustakawan
8.	Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Hussain Penasihat Undang-Undang (Berkuatkuasa 29 Mei 2019)
9.	Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan)
10.	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti)
11.	Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar Dekan, Pengurusan Akademik
12.	Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid Profesor, Pusat Pengajian Komputer & Perhubungan
13.	Prof. Dr. Salleh Abd.Rashid Profesor, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
14.	Prof. Dr. Rosni Bakar Profesor, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan
15.	Prof. Datin Dr. Zuraidah Mohd. Zain Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
16.	Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
17.	Prof. Dr. Abdul Hamid Adom Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
18.	Prof. Dr. Prabakaran a/I Poopalan Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
19.	Prof. Ts. Dr. Hazry Desa Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik (Berkuatkuasa 1 September 2019)
20.	Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan (Berkuatkuasa 1 September 2019)
21.	Prof. Madya Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
22.	Prof. Madya Dr. Muzammil bin Jusoh Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Berkuatkuasa 1 Mac 2019)
23.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md. Arshad Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
24.	Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al-Hadi Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan
25.	Prof. Madya Dr. Shahrir Rizal Kasjoo Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik (Berkuatkuasa 1 Mac 2019)
26.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan (Berkuatkuasa 2 Ogos 2019)
27.	Prof. Madya Dr. Haziah Abdul Hamid Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
28.	Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Firdaus Omar Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

Bil.	Nama
29.	Ts. Dr. Muhammad Juhairi Aziz Bin Safar Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik (Berkuatkuasa 1 Mac 2019)
30.	Prof. Madya Dr. Farizul Hafiz Kasim Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses (Berkuatkuasa 1 Mac 2019)
31.	Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdullah Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
32.	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan
33.	Prof. Madya Dr. Huzili Hussin Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
34.	Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan
35.	Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah Pegawai, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan
36.	Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad Pegawai, Institut Agroteknologi Lestari (Berkuatkuasa 1 Mac 2019)
37.	Dr. Mahyun Ab Wahab Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (Berkuatkuasa 1 Mac 2019)
38.	Dr. Sharmini Abdullah Dekan, Pusat Bahasa Antarabangsa
39.	Dr. Faizul Che Pa Pegawai, Pusat Kokurikulum (Berkuatkuasa 1 Mac 2019)
40.	Dr. Salsuwanda Selamat Pegawai, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa

Mantan Ahli Senat 2019

Bil.	Nama
1.	Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Mantan Naib Canselor / Pengerusi (Sehingga 14 Mei 2019)
2.	Prof. Ts. Ir. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (Sehingga 30 November 2019)
3.	Hj. Zuber bin Hj. Mohamad Pendaftar (Sehingga 15 Januari 2019)
4.	Prof. Dato' Dr. Ali Yeon Md. Shakaff Pengerusi, Jemaah Profesor UniMAP (Sehingga 10 Oktober 2019)
5.	Prof. Madya Razli Ahmad Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Sehingga 28 Februari 2019)
6.	Prof. Dr. Amran Ahmed Profesor, Institut Matematik Kejuruteraan (Sehingga 10 Januari 2019)
7.	Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (Sehingga 28 Februari 2019)
8.	Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan (Sehingga 31 Julai 2019)
9.	Prof. Madya Dr. Hakimah Osman Dekan, Pusat Pengajian Diploma (Sehingga 5 September 2019)
10.	Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail Pegawai, Pusat Kokurikulum (Sehingga 28 Februari 2019)
11.	Prof. Madya Dr. Mahmud Nor Jaafar Pegawai, Institut Agroteknologi Lestari (Sehingga 28 Februari 2019)
12.	Prof. Madya Ts. Dr. Ruslinda A. Rahim Pegawai, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (Sehingga 16 Disember 2019)
13.	Muhammad Amir Harith Abdul Jalil Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (Sehingga 20 November 2019)
14.	Nazifa binti Nordin Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (Sehingga 20 November 2019)

PROFIL UNIVERSITI Ketua Jabatan

Bil.	Nama	Jawatan/Jabatan
1.	Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad	Naib Canselor Jabatan Canselori - Pejabat Naib Canselor
2.	Prof. Ir. Dr. Mohd Rizal Arshad	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Jabatan Canselori - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3.	Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Jabatan Canselori - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
4.	Prof. Dr. Uda Hashim	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Jabatan Canselori - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)
5.	Hj. Mohd Saad Din	Pendaftar, Jabatan Pendaftar
6.	Pn. Saodah Hassan	Bendahari, Jabatan Bendahari
7.	Pn. Mazmin Mat Akhir	Ketua Pustakawan, Jabatan Perpustakaan
8.	Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Hashim@Wan Husain	Penasihat Undang-Undang, Unit Perundangan Dan Integriti
9.	Prof. Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din	Penolong Naib Canselor (Keusahawanan Dan Kelestarian Kewangan) Pejabat Penolong Naib Canselor (Keusahawanan Dan Kelestarian Kewangan)
10.	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon	Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti) Pusat Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti
11.	Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar	Dekan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) - Pejabat Pengurusan Akademik
12.	Prof. Madya Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail	Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi
13.	Prof. Madya Dr. Muzammil Jusoh	Dekan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
14.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
15.	Prof. Madya Dr. Shahrir Rizal Kasjoo	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
16.	Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer Dan Perhubungan
17.	Prof. Madya Dr. Haziah Abdul Hamid	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
18.	Prof. Madya Dr. Mohd Firdaus Omar	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
19.	Dr. Muhammad Juhairi Aziz Safar	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
20.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid (Kuat Kuasa 2 Ogos 2019)	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
21.	Prof. Madya Dr. Farizul Hafiz Kasim	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
22.	Dr. Mahyun Ab Wahab	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
23.	Prof. Madya Ir. Dr. Abu Hassan Abdullah	Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
24.	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan

Bil.	Nama	Jawatan/Jabatan
25.	Prof. Madya Dr. Huzili Hussin	Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan Dan Teknokomunikasi
26.	Cik Suhaira Md. Esa	Pemangku Dekan, Pusat Pengajian Diploma
27.	Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad	Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan
28.	Dr. Sharmini Abdullah	Dekan, Pusat Bahasa Antarabangsa
29.	Prof. Madya Dr. Shafriza Nisha Basah	Pengarah, Pusat Kerjasama Industri Dan Agensi Kerajaan
30.	Dr. Faizul Che Pa	Pengarah, Pusat Kokurikulum
31.	Prof. Madya Ir. Abdul Ghapar Ahmad	Pengarah, Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Harta
32.	Prof. Madya Dr. Abdul Jalil Ramli	Pengarah, Jabatan Keselamatan
33.	En. Nasrudin Abd Shukor	Ketua, Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
34.	Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan	Pengarah, Pusat Kesihatan UniMAP
35.	Hj. Suhizaz Sudin	Pengarah, Pusat Sukan
36.	Prof. Dr. Salleh Abd Rashid	Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari
37.	Dr. Salsuwanda Selamat	Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
38.	Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah	Pengarah, Pusat Islam
39.	Prof. Dr. Rosni Bakar	Pengarah, Pusat Pengkomersilan Harta Intelek
40.	Prof. Dr. Uda Hashim	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
41.	Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad	Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
42.	Dr. Hanum Hassan	Pengarah, Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan Dan Komuniti
43.	Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin	Pengarah, Anjung Unimap Kuala Lumpur
44.	Prof. Madya Dr. Yufridin Wahab	Pengarah, Anjung Unimap Kulim
45.	Dr. Mohamad Ezral Baharudin	Pengarah, Unit Multimedia
46.	Pn. Mashitoh Abu	Ketua, Unit Kebudayaan Dan Rekreasi
47.	En. Mustaffa Ismail	Ketua, Unit Komunikasi Korporat
48.	En. Zulfatah Dzulkarnain	Ketua, Unit Audit Dalam
49.	En. Norazam Abdul Rashid	Ketua, Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja
50.	En. Zulhillizan Othman	Ketua, Penerbit UniMAP
51.	Dr. Hirwan Jasbir Jaafar	Pengetua, Kolej Kediaman Pauh Putra (Bumita)
52.	Dr. Syamir Alihan Showkat Ali	Pengetua, Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman (PFI 1)
53.	Prof. Madya Dr. Ts. Wong Yee Shian	Pengetua, Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi (Simpang Empat)
54.	Pn, Kartini Hj Alir	Pengetua, Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah (PFI 2)
55.	Dr. Norshah Aizat Shuaib	Pengetua, Kolej Kediaman UniCITI Alam
56.	Dr. Razaidi Hussin	Pengetua, Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (Wang Ulu)

PROFIL UNIVERSITI

Struktur Organisasi

